



## "TERIMA KASIH CIKGU"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَاتِلِ :... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ  
وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَتٍ ...

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اِتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT



dengan sebenar-benar taqwa serta melaksanakan segala perintahnya dan menjauhi segala larangannya, mudah-mudahan kita berbahagia di dunia dan di akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Hari ini merupakan sambutan hari guru dengan tema "*Guru Pencetus Kreativiti Penjana Inovasi*". Oleh itu, marilah sama-sama kita mengucapkan "*Terima Kasih Cikgu*". Guru memainkan peranan penting sebagai agen perubahan yang sentiasa kreatif dan inovatif, mempunyai keterampilan yang tinggi. Sentiasa membudayakan inovasi dalam gelombang transformasi pendidikan bagi melahirkan generasi muda yang bersedia mencapai kecemerlangan dalam kehidupan. Warga pendidik berkeupayaan menyediakan peluang kepada murid bagi mendapat pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna, kreativiti yang mampu meningkatkan kemahiran murid dalam mendepani persekitaran kehidupan sebenar.

Dewasa ini semua pihak menyedari bahawa kerjaya sebagai guru merupakan tugas yang penuh dengan cabaran. Antaranya ialah kekangan masa, ancaman gejala sosial serta berhadapan dengan karenah pelbagai pihak. Hakikatnya tugas guru sejak dahulu hingga kini sentiasa dipenuhi ujian dan dugaan.

Selain itu guru juga berhadapan dengan cabaran mendidik murid yang pelbagai ragam dan karenah. Murid-murid kini terdedah dengan bermacam-macam anasir luar seperti hiburan yang melampau dan sebagainya. Maka terdapat sebilangan mereka yang terpengaruh dan terikut-ikut budaya asing seperti *hedonisme* iaitu budaya berhibur secara melampau, seks bebas, arak, merokok dan sebagainya. Sebahagian yang lain pula leka dengan laman sosial samada melalui komputer ataupun telefon bimbit. Ini



menjadikan proses mendidik mereka berhadapan dengan kesukaran dan memerlukan masa yang panjang. Fenomena ini bertambah parah apabila rasa hormat kepada guru semakin terhakis di kalangan murid.

Dalam masa yang sama, guru juga terpaksa berhadapan dengan sebahagian ibu bapa yang kurang menghormati guru dan terlalu membela kesalahan anak tanpa usul periksa. Situasi sebegitu memberikan sedikit kesan negatif terhadap usaha guru dalam membentuk peribadi anak-anak. Seharusnya ibu bapa menyedari bahawa mereka yang memainkan peranan utama dalam mendidik anak-anak. Peranan mendidik anak-anak tidak harus diletakkan seratus peratus di bahu guru-guru, bahkan guru hanya membantu untuk melengkapkan proses pendidikan tersebut. Maka akan ada keharmonian antara guru dan ibu bapa dengan agenda yang sama iaitu melahirkan anak-anak yang teguh imannya di samping mantap keilmuannya.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda :

"كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبْوَاهُ يُهَوِّدُهُنَّهُ أَوْ يُنَصِّرُهُنَّهُ أَوْ يُمْجِسُهُنَّهُ"

"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci iaitu islam, maka ibu bapanya lah yang mendidik anaknya menjadi seperti yahudi atau nasrani atau majusi".

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**



Masyarakat perlu memainkan peranan dengan meletakkan guru di tempat yang selayaknya. Ikon dan ikutan anak-anak hari ini perlu diperhatikan dan diperhalusi agar tidak tersasar hingga meletakkan mereka yang tidak sepatutnya sebagai ikutan.

Guru merupakan agen perubah masyarakat yang terus istiqamah menyambung tradisi penyampai ilmu yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW iaitu sebaik-baik guru yang patut kita contohi.

Firman Allah dalam surah al-Jumuah ayat 2:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَّيَّنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَلَوُ أَعْلَيْهِمْ  
ءَآيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا  
مِنْ قَبْلُ لِفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

*"Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW.) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syarak). dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata".*

Tarbiah yang mantap oleh baginda Rasulullah SAW telah melahirkan sahabat-sahabat yang hebat seperti Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Saidina Umar bin al-Khattab, Saidina Othman bin Affan, Saidina Ali bin Abi Talib dan



sahabat-sahabat lain yang memiliki sifat keimanan yang kukuh, keperibadian yang mulia dan ketokohan yang tiada tandingannya.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sejarah telah melakarkan lahirnya ulama-ulama besar seperti Imam Syafie dan Imam Al Ghazali adalah hasil tarbiah dan didikan seorang yang bernama guru.

Begitu juga kehebatan Sultan Muhammad Al Fateh yang telah berjaya membuka Kota Kostantinopel walaupun berusia 21 tahun adalah merupakan hasil didikan dan asuhan ulama tersohor yang menjadi murabbi beliau.

Kejayaan ini pernah dijanjikan oleh Nabi Muhammad SAW. melalui hadisnya yang berbunyi :

لَتُفْتَحَنَّ الْقُسْطَنْطِينِيَّةُ وَلَنِعْمَ الْأَمِيرُهَا  
وَلَنِعْمَ الْجَيْشُ ذَلِكَ الْجَيْشُ

“Pasti suatu hari nanti akan dibebaskan Kota Kostantinopel itu, maka sebaik-baik raja, itulah rajanya, dan sebaik-baik tentera, itulah tenteranya”  
(Riwayat Imam Ahmad).

Oleh itu, masyarakat perlu sedar bahawa pentingnya kewujudan guru dalam kehidupan komuniti seharian kita. Pujangga Arab juga ada mengatakan :



قُمْ لِلْمُعَلِّمِ وَفِي التَّبْجِيلِ، كَادَ الْمُعَلِّمُ  
أَنْ يَكُونَ رَسُولاً

*"Bangun dan berilah penghormatan sepenuhnya kepada guru, kerana hampir-hampir tugas seorang guru itu menyamai tugas seorang rasul"*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Di kala ini, kita melihat betapa masyarakat generasi kini semakin lama semakin terpesong dari akhlak dan budaya Islam. Sebahagian murid tidak lagi melihat guru sebagai individu yang patut dihormati, bahkan segelintir di kalangan mereka berani mengherdik, mengugut bahkan memukul guru. Keadaan ini disebabkan oleh kurangnya berkat ilmu yang diperolehi oleh murid, sedangkan mereka saban hari didedahkan dengan ilmu agama dan akhlak. Di manakah silapnya semua ini?.

Seandainya kita menyingkap suatu kisah atau sejarah yang dilalui oleh generasi salafus solih terdahulu, maka kita akan dapati betapa generasi terdahulu sangat menitikberatkan persoalan adab di dalam menuntut ilmu. Justeru, mereka berjaya mengecap nikmat barakah ilmu yang akhirnya melahirkan generasi Islam yang digeruni di seluruh pelusuk dunia, termasuk oleh pihak musuh Islam itu sendiri.

Ini adalah suatu bentuk kekuatan hasil daripada keberkatan ilmu yang dikecapi oleh mereka. Keberkatan ilmu itu terhasil daripada adabnya seorang murid terhadap guru, diantaranya ialah dengan cara melihat gurunya itu dengan pandangan hormat serta memuliakannya.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**



Saidina Ali RA. pernah berkata yang maksudnya: "**Aku bersedia menjadi hamba kepada orang yang mengajarkanku walau satu huruf. Jika mahu, dia boleh menjualku. Jika mahu, dia boleh menjadikanku hamba, dan jika mahu dia boleh memerdeka kanku**". Begitulah betapa hebatnya peribadi sahabat besar Rasulullah s.a.w. Betapa mereka memuliakan guru serta menjaga adab dengannya, sehingga Allah SWT menjadikan mereka insan yang mulia dunia dan akhirat.

Antara adab-adab bagi seseorang penuntut, ialah dengan merendahkan diri sebagai murid apabila berada di hadapan guru, walaupun guru tersebut seorang yang kurang dari sudut dunia, pangkat mahupun harta. Imam al-Syafie, walaupun beliau seorang yang alim dan tinggi dari sudut ilmu dan akhlaknya, namun apabila beliau berguru dengan seseorang walaupun pada perkara yang remeh, beliau akan merendahkan dirinya di hadapan guru serendah-rendahnya. Suatu masa beliau ditanya tentang sikapnya yang suka merendah diri terhadap guru, maka beliau menjawab: "**Aku menghinakan diriku di hadapan mereka, maka mereka memuliakan diriku. Seseorang itu tidak akan dimuliakan oleh diri yang sompong dan tidak pandai merendahkan diri**".

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita imbas kembali intipati penting perbahasan khutbah ini,

Pertama : Tuntutlah Ilmu kerana ia adalah penyuluhan kepada iman dan taqwa.

Kedua : Guru hendaklah sabar dan ikhlas dalam mendepani cabaran dan karenah masa kini.



Ketiga : Jadikanlah Rasulullah SAW sebagai qudwah terbaik dan sebagai pendidik yang patut dicontohi.

Keempat : Semua pihak samada pihak kerajaan, sekolah, guru, ibu bapa dan masyarakat seluruhnya hendaklah bekerjasama untuk melahirkan umat yang seimbang jasmani dan rohani.

Kelima : Hubungan antara ibubapa, guru dan murid mestilah dibina atas rasa hormat dan kasih sayang untuk mendapat keberkatan dan keredhaan Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَنَّا أَصْبَرُوا وَصَابَرُوا وَرَابَطُوا  
وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ



"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebijakan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan)".

(Surah ali Imran : 200)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمَاهَا الَّذِينَ لَمْ يَأْمُنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ . أَللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بَعَيْنِ عِنَاتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَاتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،  
جَلَالَةً مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورَ ، سُلْطَانِ

شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانِ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
أَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورَ ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبَلِغْ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ。عِبَادُ  
اللهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِمْ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.